



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 25 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Belanjawan 2025: Lebih Ramai Kanak-Kanak Autistik Berpeluang Nikmati Intervensi Awal https://thesun.my/cerita/berita/belanjawan-2025-lebih-ramai-kanak-kanak-autistik-berpeluang-nikmati-intervensi-awal-EL13189519#google_vignette	Malaysia Gazette	Neutral
2.	Kanak-Kanak Maut Ditimpa Tembok Simen Jatuh Dari Tingkat Tiga Rumah Kedai https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1315430/kanak-kanak-maut-ditimpa-tembok-simen-jatuh-dari-tingkat-tiga-rumah#google_vignette https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/10/24/kanak-kanak-bertarung-nyawa-sejam-diberi-cpr-sebelum-maut-akibat-ditimpa-serpihan-tembok-simen https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-lelaki-maut-ditimpa-rekahan-simen-rumah-kedai-493289 https://www.youtube.com/watch?v=JaAGpQMsd00 https://www.youtube.com/watch?v=zBr906eR30s https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanak-kanak-warga-vietnam-maut-terkena-rekahan-simen/	Berita Harian MStar Astro Awani Malaysia Gazette TV Buletin TV3 Utusan	Neutral

	https://malaysiagazette.com/2024/10/24/kanak-kanak-maut-ditimpa-rekahan-tebok-simen/ https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2355949 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147929/kanak-kanak-maut-ditimpa-serpihan-batu-terjatuh-dari-rumah-kedai	Malaysia Gazette Bernama Harian Metro	
3.	Cari Ibu Kandung Anak Angkat Elak Kesulitan Pada Masa Depan https://malaysiagazette.com/2024/10/24/cari-ibu-kandung-anak-angkat-elak-kesulitan-pada-masa-depan/	The Sun	Neutral
4.	Selangor Catat Warga Emas Paling Ramai `Dibuang` https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/selangor-catat-warga-emas-paling-ramai-dibuang/#google_vignette	Utusan	Neutral
5.	'Rider' Ragut Rantai Emas Wanita Diburu Polis https://www.buletintv3.my/nasional/rider-ragut-rantai-emas-wanita-diburu-polis/#google_vignette https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2355850 https://thesun.my/cerita/berita/wanita-kerugian-rm3000-selepas-rantai-diragut-MK13191148	Buletin TV3 Bernama The Sun	Neutral
6.	Warga Emas Berputih Mata Wang Pelaburan RM149,291 Lesap https://www.sinarharian.com.my/article/692798/berita/semasa/warga-emas-berputih-mata-wang-pelaburan-rm149291-lesap#google_vignette https://malaysiagazette.com/2024/10/24/penyelia-rugi-rm149291-diperdaya-pelaburan-tidak-wujud/#google_vignette	Sinar Malaysia Gazette	Neutral

7.	Suami Hidap Tumor Otak, Anak OKU https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/suami-hidap-tumor-otak-anak-oku/#google_vignette	Utusan	Neutral
----	--	--------	---------

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

CARI IBU KANDUNG ANAK ANGKAT ELAK KESULITAN PADA MASA DEPAN

BATU PAHAT – Satu keluarga di Parit Sulong di sini sedang mencari ibu kandung anak angkatnya bagi melengkapkan proses dokumentasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Rosni Lizam Ramli, 49, berkata, pihaknya sedang mengesan kedudukan ibu kandungnya Rosmariza Mohamad Ali yang kini berusia 42 tahun setelah terputus hubungan sejak sembilan tahun lalu

Jelasnya, ini bagi membolehkan proses dokumentasi untuk Nur Ain Batrisa Abdullah, 13, dapat dilakukan dan secara sah menjadi anak angkatnya.

“Nur Ain Batrisa dilahirkan pada 19 November 2011 di Kampung Sri Lalang, Mersing. Dia menjadi anak angkat saya dan suami tetapi urusan dokumentasi masih belum selesai.

“Sebelum diserahkan kepada kami, dia tinggal bersama-sama ibunya selama kira-kira empat tahun yang kemudiannya dijaga oleh datuknya, Wahab Ibrahim di Felda Tenggaroh 3, Mersing.

“Datuknya itu kemudiannya menyerahkan Nur Ain Batrisa kepada saya pada April 2017 di Felda Nitar Timur, Mersing untuk kelangsungan hidup,” katanya ketika ditemui.

Katanya, selepas penyerahan kanak-kanak itu, mereka berpindah ke Parit Sulong tanpa melakukan sebarang proses pengambilan anak angkat yang betul.

Tindakan itu katanya, menyebabkan beberapa perkara berkaitan kebajikan anak angkatnya tidak dapat dilakukan selain mengelak kesulitan pada masa depan.

Menurut Rosni, usaha mengesan kedudukan ibu kandungnya tidak mendatangkan hasil walaupun berulang kali menemui keluarganya di Felda Tenggaroh 3 kerana mereka juga gagal mengetahui tempat tinggal wanita itu hingga sekarang.

“Oleh yang demikian, saya amat berharap Rosmariza atau sesiapa sahaja mengenalinya dapat berhubung dengan saya bagi menyelesaikan urusan penyerahan anaknya itu agar tiada perkara berbangkit kemudian hari,” ujarnya.

Dia boleh dihubungi menerusi talian 017-2775404 bagi mengatur temu janji dan memproses penyerahan mengikut kaedah yang betul.- MalaysiaGazette

KANAK-KANAK MAUT DITIMPA TEMBOK SIMEN JATUH DARI TINGKAT TIGA RUMAH KEDAI



MELAKA: Seorang kanak-kanak lelaki maut ditimpa rekahan tembok simen yang terjatuh dari rumah kedai tiga tingkat dalam kejadian di Kompleks Al-Azim, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.15 malam itu, mangsa Ong Lun Keat,7, dari Taman Bukit Baru Solok Bukit Pulau, di sini, meninggal dunia ketika dirawat di zon merah Hospital Melaka.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit, berkata laporan kejadian dibuat pengurus Domino's Pizza berusia 34 tahun di Balai Polis Bukit Baru.

Beliau berkata, berdasarkan laporan, pengurus terbabit memberitahu dua kanak-kanak dan seorang lelaki dewasa serta enam motosikal ditimpa satu tembok simen jatuh dari atas restoran Domino's Pizza cawangan Bukit Baru.

"Siasatan mendapati kanak-kanak itu dan adik lelakinya berusia lima tahun mengikut bapa mereka ke sebuah bank di situ.

"Ketika berjalan keluar dari bank, secara tiba-tiba satu rekahan tembok simen jatuh menimpa mereka menyebabkan Lun Keat parah, manakala bapanya berusia 42 tahun dan adiknya cedera ringan.

"Mangsa dibawa ke hospital oleh orang awam dan dirawat di zon merah. Kanak-kanak itu turut diberikan bantuan pernafasan CPR (Cardiopulmonary Resuscitation) selama 60 minit, namun gagal diselamatkan dan disahkan meninggal dunia pada jam 10.18 malam," katanya.

Christopher berkata, bedah siasat dijalankan pada jam 11 pagi semalam dan mendapati punca kematian disebabkan kecederaan teruk akibat ditimpa objek berat.

"Setakat ini, kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut dan siasatan lanjut masih dijalankan," katanya.

BELANJAWAN 2025: LEBIH RAMAI KANAK-KANAK AUTISTIK BERPELUANG NIKMATI INTERVENSI AWAL



PUTRAJAYA: Lebih banyak kanak-kanak autistik berpeluang mendapat intervensi awal menerusi inisiatif diumumkan dalam Belanjawan 2025, termasuk Pembinaan 11 pusat Permata baharu bagi melengkapkan setiap negeri dengan pusat didikan anak-anak autistik.

Ia termasuk di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Alumni Kurnia Dr Aamir Abdullah Abdul Kareem Khadaied berkata ketika ini, terdapat hanya satu kemudahan sahaja iaitu di Pusat Permata Kurnia di Sentul bagi intervensi awal kanak-kanak autistik yang tidak dapat menampung keperluan golongan itu lebih-lebih lagi apabila keluarga berpendapatan rendah dan sederhana tidak mampu mendapatkan khidmat intervensi di pusat swasta.

"Belanjawan 2025 lebih komprehensif khas bagi anak autistik, kita nampak ada usaha kerajaan untuk tambah kemudahan sedia ada bagi buka peluang kepada golongan ini yang kita rasa angkanya semakin meningkat.

"Memang masa menunggu untuk ke Permata Kurnia adalah lama, waktu nak hantar anak perempuan saya ke sana pada 2017, memang tunggu hampir 10 bulan. Jadi usaha kerajaan ini menampakkan mereka lebih cakna bagi membantu kanak-kanak itu mendapat intervensi awal dan pendidikan khas," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Ditanya mengenai kepentingan intervensi awal, Dr Aamir Abdullah yang juga berkhidmat sebagai anesthesiologis di Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia berkata keberadaan kanak-kanak autistik tidak boleh dielakkan dan wujud keperluan bagi mereka 'pulangkan manfaat' diterima kepada masyarakat dan negara.

"Suatu ketika nanti, mereka akan menjadi sebahagian daripada minoriti yang signifikan dalam masyarakat. Kita tidak boleh lagi ikut cara lama dengan meninggalkan mereka di rumah, dikurung seterusnya menjadikan mereka sebagai individu yang tiada fungsi.

"Dengan cara kerajaan menerusi pengagihan peruntukan ini, secara tidak langsung anak-anak ini dibantu dan mereka pula kelak akan 'memberi semula' kepada yang memerlukan," katanya menambah perbelanjaan asas bagi setiap kanak-kanak autistik menelan kos hampir RM2,000 sebulan dan mungkin lebih bagi sesebuah keluarga.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2025 mengumumkan dua sekolah baharu murid berkeperluan khas dibina di Tuaran, Sabah dan Johor Bahru dengan kos RM300 juta.

Beliau berkata sekolah di Johor Bahru itu juga bakal menjadi sekolah pertama yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada pendidikan untuk autistik, dan selain itu Anwar turut mengumumkan sebuah pusat perkhidmatan autisme akan dibangunkan bagi memanfaatkan komuniti autisme dengan peruntukan RM5 juta.

Anwar turut mengumumkan had pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan dan pemulihan anak autisme akan ditingkatkan kepada RM6,000 berbanding RM4,000.

Sementara itu, Pakar Perunding Pediatrik Hospital Fatimah, Ipoh Dr Shan Narayanan berkata intervensi kerajaan menerusi Belanjawan 2025 menandakan satu langkah penting ke arah menangani autisme dengan memperuntukkan peningkatan pembiayaan dan menubuhkan intitusi khusus untuk kanak-kanak autistik.

"Tumpuan untuk membina pusat Permata dan sekolah khusus adalah langkah strategik yang boleh menyediakan persekitaran pembelajaran tersusun. Peningkatan pelepasan cukai untuk perbelanjaan rawatan juga menggambarkan pemahaman tentang beban kewangan keluarga," katanya.

Bagaimanapun, Dr Shan berkata kerjasama antara sektor awam dan swasta adalah penting bagi memastikan inisiatif ini berjaya, pada masa sama menyeru pendekatan seimbang menangani keperluan segera dan jangka panjang melalui garis panduan tersusun dan strategi sasaran.

Keutamaan segera termasuk meningkatkan perkhidmatan diagnostik untuk pengesanan awal autisme dan mewujudkan pusat intervensi awal untuk kanak-kanak prasekolah.

Inisiatif jangka panjang perlu memberikan tumpuan kepada latihan vokasional, mewujudkan kediaman bantuan untuk mereka yang memerlukan dan membangunkan

sistem sokongan mampan untuk memudahkan peralihan individu autistik ke alam dewasa, katanya.

'RIDER' RAGUT RANTAI EMAS WANITA DIBURU POLIS

SERDANG: Seorang wanita kerugian kira-kira RM3,000 selepas rantai emas miliknya diragut di kaki lima berhampiran kedai buah di Taman Universiti, Seri Kembangan, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner A A Anbalagan berkata, kejadian berlaku kira-kira 1 tengah hari apabila mangsa berusia 37 tahun mendakwa diragut seorang lelaki berpakaian seperti penghantar makanan.

"Suspek dikatakan menaiki motosikal Yamaha LC 135 berwarna biru dan mangsa dilaporkan tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Polis sedang mengenal pasti identiti suspek dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian boleh menghubungi mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.

Hari ini, satu rakaman video berdurasi 52 saat menunjukkan lelaki berpakaian seperti penghantar makanan meragut rantai emas daripada seorang wanita tular di media sosial.